

# USIM dalam Apple iTunes U

**SEREMBAN 3 Julai** - Universiti Sains Islam (USIM) melakar kejayaan baharu dalam sistem pendidikan negara apabila Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOAL) institut itu tersenarai dalam platform Apple iTunes U.

Melalui kejayaan tersebut, USIM merupakan universiti awam pertama terpilih untuk disenarai dalam katalog bahan pembelajaran dalam talian yang diakses pengguna seluruh dunia.

Pengarah GOAL, Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus berkata, kandungan yang dimuat naik boleh digunakan sebagai perkongsian kursus dan program secara

dalam talian oleh pengguna iTunes U di seluruh dunia secara percuma.

“Platform tersebut merupakan konsep pembelajaran dalam talian dan bahan yang telah dimuat naik ke dalam peranti Apple juga boleh diakses secara ‘offline’.

“USIM telah memuat naik video ‘Open Educational Resources USIM’ yang mempunyai unsur integrasi Naqli dan Aqli untuk dikongsi kepada pengguna seluruh dunia,” katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Menurut Rozhan, kerjasama antara USIM dan Apple Education (M) untuk mendaftarkan univer-

siti itu ke platform Apple iTunes U telah berlangsung Februari lalu.

Selain itu, katanya, USIM juga akan memuat naik tiga lagi kursus Massive Open Online Course (MOOC) menjelang akhir tahun ini.

“Oleh yang demikian, kita amat mengalu-alukan bahan rujukan berguna dan mempunyai nilai Naqli dan Aqli untuk dikongsi secara global di iTunes U.

“Sehingga Jun lalu, iTunes U USIM telah memuat naik 12 buah video melalui tujuh kategori tersenarai dan telah dikunjungi pengguna dari Amerika Syarikat dan China,” katanya.